

**KHUTBAH JUMAAT**  
**“LALAI DALAM SEDAR”**  
**(15 Julai 2022M/ 15 Zulhijjah 1443H)**

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan bersungguh-sungguh melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan mereka yang sentiasa mengingati Allah *subhanahu wata'ala* serta mendapat kejayaan yang sebenar di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk “**Lalai Dalam Sedar**”.

**Jemaah yang dirahmati Allah,**

Dunia mempunyai beberapa ciri yang kita perlu diketahui, agar kita tidak lalai dan sentiasa beringat. Agar kita berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan nikmat. Agar dunia hanya berada ditangan dan dimanfaatkan sebaik-baiknya berlandaskan syariat. Firman penciptanya dalam surah Al-Hadid, ayat, 20 yang bermaksud:

“Ketahuilah bahawa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bawaan hidup yang berupa semata-mata) permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurang), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah di antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan, dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak pinak; (semuanya itu terhad waktunya) samalah seperti hujan yang (menumbuhkan tanaman yang menghijau subur) menjadikan penanamnya suka dan tertarik hati kepada kesuburannya, kemudian tanaman itu bergerak segar (ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; akhirnya ia menjadi hancur bersepai; dan (hendaklah diketahui lagi, bahawa) di akhirat ada azab yang berat (di sediakan bagi golongan yang hanya mengutamakan kehidupan dunia itu), dan (ada pula) keampunan besar serta keredaan dari Allah (disediakan bagi orang-orang yang mengutamakan akhirat). Dan (ingatlah, bahawa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya.”

### **Jemaah yang dirahmati Allah,**

Selepas kehidupan dunia, ada kehidupan agung yang penuh nikmat dan bahagia, iaitu kehidupan di syurga yang kekal abadi yang tidak binasa, tempat kembalinya orang beriman dan bertakwa, sebagaimana disebutkan dalam firman Allah subhanahu pada akhir ayat 14, Surah Aali-Imran:

زَيْنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ  
مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ذَلِكَ مَتَاعُ  
الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَآبِ

**Maksudnya:** Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, yaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (yaitu Syurga).

### **Saudara-saudaraku yang dirahmati Allah,**

Menurut Tafsir Al-Munir, Doktor Wahbah Zuhaili menyebut lima ciri dunia yaitu dunia seumpama permainan, hiburan yang melalaikan, perhiasan, tempat berbangga dengan perkara fana yaitu tidak kekal dan tempat bersaingnya manusia dalam harta dan anak keturunan.

Dunia ibarat permainan bermaksud seumpama anak-anak kecil bermain dengan permainannya. Akhirnya keletihan dan tidak mendapat apa-apa hasil darinya. Keduanya, dunia seumpama hiburan yang melalaikan serta senda gurau, penyebab hati menjadi lalai yang akhirnya disudahi dengan kesesalan. Ketiganya, dunia seperti perhiasan yang menutupi kekurangan yang ada padanya. Keempatnya dunia bersifat tidak kekal, namun manusia saling berbangga sesama

mereka dalam kekuasaan, kekuatan yang diperolehi, inginkan kemasyhuran dan sebagainya. Yang kelima. Dunia merupakan tempat bersaingnya manusia dalam menambah harta dan anak pinak. Semoga kita selalu diperingatkan dan tidak menjadi pencinta dunia, yang merasa damai dengan dunia yang tidak kekal iaitu fana dan mengundang murka Penciptanya.

### **Saudara-saudaraku yang dirahmati Allah,**

Pastinya fasa kehidupan di dunia ini, kadangkala atau kerap kali membuatkan kita lalai. Dalam masa yang sama, kita menyedari bahawa kehidupan dunia adalah amat singkat. Umur manusia secara umumnya sekitar 50 hingga 70 tahun. Terbayang di fikiran kita akan wajah-wajah yang kita kasihi. Ibu ayah, anak pinak, adik beradik, saudara mara dan rakan taulan telah pergi meninggalkan kita. Mereka kini hidup di alam barzakh menanti kehidupan akhirat. Uban-uban di kepala kita pula semakin bertambah. Peringatan dari Allah subhanahu wata'ala sering kali meniti di mulut hamba-hamba-Nya memperingatkan kita agar tidak lalai dari mengingati Allah, kehidupan alam akhirat dan barzakh, kehidupan neraka dan jannah dan sebagainya.

Peringatan dan nasihat amatlah penting, agar kita tidak mudah lalai. Surah Maryam, ayat 39 menyebutkan perkara ini. Semoga kita saling ingat dan mengingati saudara kita yang lain:

وَأَنْذِرْهُمْ يَوْمَ الْحَسْرَةِ إِذْ قُضِيَ الْأَمْرُ وَهُمْ فِي غَفْلَةٍ وَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

**Maksudnya:** Dan berilah amaran (wahai Muhammad) kepada umat manusia seluruhnya tentang hari penyesalan iaitu hari diselesaikan perbicaraan perkara masing-masing pada masa mereka (yang ingkar) di dunia ini berada dalam kelalaian serta mereka pula tidak mahu beriman.

**Saudara-saudaraku yang dirahmati Allah,**

Manusia sememangnya mudah lalai. Kadangkala kita terlalai semasa mendengar khutbah ini, kerana leka dengan telefon bimbit dan gajet. Apabila tersedar, lantas menutup telefonnya dan mula mendengar khutbah. Kadangkala ketika usia muda, ketika badan masih kuat, kita meninggalkan kefarduan solat, mengabaikan tanggungjawab mendidik isteri dan anak dalam perkara fardu ain dan sebagainya dengan alasan bekerja dan seumpamanya. Apabila meningkat sedikit dewasa, kita mula mengubah cara hidup dengan menjaga solat lima waktu, membantu keluarga dalam taat dan sebagainya.

Peringatan dan nasihat yang diterima, seharusnya menjadikan seorang mukmin itu bersemangat untuk bertemu Allah subhanahu wata'ala dan Rasul-Nya. Sebelum pertemuan itu nanti, in sya Allah, pastinya dia akan berusaha dan terus berusaha untuk memelihara diri dan keluarga dari perkara yang lalai serta memenuhi hidupnya yang berbaki dengan amal soleh dan berbakti kepada ummah. Sentiasalah kita memohon taufiq iaitu kekuatan untuk beramal dan istiqamah memohon keampunan dari-Nya serta terpelihara iman. Ya Rabb, mudahkanlah kami dalam taat dan sentiasa mengingati-Mu serta peliharalah iman kami. Amiin.

### **Kaum muslimin yang berbahagia,**

Apakah kerana lalai, lantas dunia ditinggalkan? Bagi orang beriman, yang sedar akan kehidupan akhirat yang bakal ditempuhi, dunia dimanfaatkan sebaik-baiknya untuk ibadah dan berinfaq seperti membeli keperluan solat dan ibadah, membina masjid dan sebagainya. Dunia juga dimanfaatkan untuk berbakti kepada umat nabi Muhammad *sallallahu alaihiwasallam* seperti memberi sedekah, hadiah, wakaf dan seumpamanya untuk fakir dan miskin, orang-orang susah, tempat-tempat pengajian dan zikir, pusat penjagaan anak-anak yatim dan kurang upaya, anak-anak yang terbiar dan selainnya. Janganlah pula mengabaikan keperluan diri dan keluarga yang terdekat ketika kita masih hidup mahupun setelah kita meninggal dunia disebabkan mengutamakan perkara yang jauh sedangkan mempunyai kewajipan terhadap keluarga. Berbakti kepada mereka menjadi keutamaan.

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Di kesempatan ini jua, mimbar turut ingin mengingatkan jemaah sekalian agar tidak lalai akan wabak COVID-19 yang masih melanda negara. Varian baharu COVID-19, telah menyebabkan beberapa kes kematian. Ambillah pengajaran daripada apa yang telah berlaku, agar peristiwa ini tidak berulang kembali. Jagalah kesihatan dan keselamatan dengan mengambil langkah atau tindakan yang lebih berhati-hati serta mengambil perhatian akan Prosedur Operasi Standard (SOP) Norma Baharu pencegahan penularan wabak COVID-19. Taatilah pihak berwajib. Mereka

berusaha sebaiknya demi kesejahteraan dan keselamatan bersama dan dalam masa yang sama kita mematuhi firman Allah *suhanahu wata'ala* dalam surah An-Nisa', ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

**Maksudnya:** “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada “Ulil-Amri” (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya – jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”.

### **Hadirin yang dirahmati Allah,**

Antara perkara utama yang boleh dijadikan iktibar dan pengajaran dari khutbah yang telah disampaikan sebentar tadi ialah:

**Pertama:** Dunia mempunyai ciri-ciri yang menyebabkan kita lalai mengingati Allah dan mentaati-Nya. Hadamkanlah ciri-ciri tersebut dan manfaatkanlah dunia untuk kesejahteraan akhirat.

**Kedua:** Sentiasalah memperbaiki diri dan menjadi hamba Allah yang taat, serta berbaktilah kepada umat, sebagai bukti kasihnya kita kepada Allah dan rasul-Nya hingga ke akhir hayat.

**Ketiga:** Umat Islam seluruhnya, diperingatkan agar tidak lalai akan wabak Covid-19, varian baharu serta diseru supaya mengambil tindakan bersedia dan berjaga-jaga dari sudut penjagaan kesihatan dan pencegahan.

Semoga kita tergolong dalam kalangan mereka yang banyak berzikir dan mengingati Allah. Hayatilah firman-Nya dalam surah Al-A'raf, ayat 205:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَأَذْكُرُ رَبِّي فِي نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً وَدُونَ الْجَهْرِ مِنَ الْقَوْلِ بِالْغُدُوِّ  
وَالْأَصَالِ وَلَا تَكُنْ مِنَ الْغَافِلِينَ

**Maksudnya:** “Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu dalam hatimu, dengan merendah diri serta dengan perasaan takut (melanggar perintahnya) dan dengan tidak pula menyaringkan suara, pada waktu pagi dan petang dan janganlah engkau menjadi dari orang-orang yang lalai.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami,  
ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan,

kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah ! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan Allah *subhanahu wata'ala*.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jadikanlah diri kami, isteri-isteri kami dan keturunan kami dari kalangan yang mendirikan solat serta menjauhi dosa-dosa kecil apatah lagi dosa-dosa yang besar. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا  
لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ الْبَلَاءِ  
عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ، وَعَافِهِمْ  
وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أُنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ  
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.